



PEMBERITAHUAN

STRUKTUR BAHARU PERAKUAN PENGENDALI RADIO AMATUR

CYBERJAYA, 30 Disember 2022 -- Selaras dengan pindaan kepada Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000 yang akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2023 (iaitu bagi peruntukan yang berkaitan dengan radio amatur), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ingin memaklumkan, terdapat perubahan kepada struktur perakuan pengendali radio amatur seperti berikut:

1. Pengenalan kepada kelas C; dan
2. Ujian Kod Morse untuk menaik taraf ke kelas A digantikan dengan peperiksaan pilihan jawapan berkomputer.

Perubahan kepada struktur perakuan pengendali radio amatur ini akan berkuat kuasa bermula 1 Januari 2023.

Sehubungan itu, pihak MCMC telah membuat semakan dan penambahbaikan kepada program pemerakuan pengendali radio amatur seperti yang tertera di bawah:

| Kelas | Syarat Kelayakan | Struktur Peperiksaan | Fi Peperiksaan |
|-------|---|----------------------|----------------|
| A | a. Berumur 15 tahun dan ke atas pada hari ujian dilangsungkan | Jumlah soalan: 50 | RM50 |

| Kelas | Syarat Kelayakan | Struktur Peperiksaan | Fi Peperiksaan |
|-------|--|---|----------------|
| | <p>b. Warganegara, Penduduk Tetap Malaysia dan Pemegang Visa bagi Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H)</p> <p>c. Pemegang perakuan pengendali radio amatur Kelas B</p> <p>d. Memegang penguntukan radas bagi stesen radio amatur Kelas B sekurang-kurangnya selama satu tahun</p> | <p>Markah lulus: 74% (37/50)</p> | |
| B | <p>a. Berumur 14 tahun dan ke atas pada hari ujian dilangsungkan</p> <p>b. Warganegara, Penduduk Tetap Malaysia dan Pemegang Visa bagi Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H)</p> <p>c. Pemegang perakuan pengendali radio amatur Kelas C</p> | <p>Jumlah Soalan: 50</p> <p>Markah lulus: 74% (37/50)</p> | RM50 |

| Kelas | Syarat Kelayakan | Struktur Peperiksaan | Fi Peperiksaan |
|-------|---|---|----------------|
| C | <p>a. Berumur 12 tahun dan ke atas pada hari ujian dilangsungkan</p> <p>b. Warganegara, Penduduk Tetap Malaysia dan Pemegang Visa bagi Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H)</p> | <p>Jumlah Soalan: 35</p> <p>Markah lulus: 74% (26/35)</p> | RM50 |

Selain itu, pihak MCMC juga telah membuat pindaan kepada “*Guidelines for Amateur Radio Services in Malaysia (3rd Edition)*” dan telah menerbitkan “*Amateur Radio Handbook (1st Edition)*” sebagai bahan rujukan tambahan kepada orang awam yang berminat untuk menduduki peperiksaan radio amatur.

Bank soalan telah diwujudkan oleh pihak MCMC bagi ketiga-tiga kelas radio amatur untuk memberi pendedahan kepada orang awam berkenaan dengan contoh-contoh soalan peperiksaan di samping membantu calon untuk membuat persediaan awal. Ketiga-tiga dokumen ini boleh didapati di laman sesawang rasmi MCMC: <https://mcmc.gov.my/en/amateur-radio-operator-certification>

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan urusan permohonan untuk menduduki peperiksaan radio amatur boleh diajukan kepada e-mel di sems.admin@mcmc.gov.my.

www.mcmc.gov.my